

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS	:	BBP 20102
KOD PROGRAM	:	BBA/ BBB/ BBC/ BBD/ BBE/ BBF/ BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2016 / JANUARI 2017
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

**TERBUKA**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

**SULIT**

**S1** (a) Nyatakan definisi pengurusan sumber manusia dan berikan contoh pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi.

(4 markah)

(b) Salah satu cabaran dalam pengurusan sumber manusia ialah perubahan teknologi. Dengan menggunakan contoh yang sesuai terangkan cabaran tersebut dalam menjadikan organisasi lebih peka terhadap persekitaran, fleksibel dan mampu bersaing.

(9 markah)

(c) Terdapat lima (5) hierarki di dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow. Dengan bantuan gambarajah yang bersesuaian, terangkan teori tersebut bagi memotivasi pekerja dalam organisasi.

(12 markah)

**S2** (a) Apakah prinsip-prinsip latihan yang perlu diambilkira dalam program latihan sesebuah organisasi?

(4 markah)

(b) Nyatakan sumber-sumber maklumat yang boleh dijadikan rujukan oleh pengurus sumber manusia dalam menentukan calon pekerja yang sesuai.

(4 markah)

(c) Apakah yang dimaksudkan dengan spesifikasi individu (*person specification*) dan berikan contoh kegunaan spesifikasi individu dalam pengurusan sumber manusia?

(8 markah)

(d) Terangkan tiga (3) peranan perancangan kerjaya yang dilaksanakan oleh pengurus sumber manusia di sesebuah organisasi dan berikan contoh yang sesuai.

(9 markah)

**TERBUKA**

- S3** (a) Apakah tujuan penilaian prestasi pekerja dilaksanakan di sesebuah organisasi? (3 markah)
- (b) Nyatakan kesan ‘Halo’ dalam melakukan proses penilaian dan terangkan kesan tersebut terhadap pekerja. (6 markah)
- (c) Nyatakan bentuk-bentuk ganjaran kewangan yang boleh diberikan kepada pekerja dalam sesebuah organisasi. (6 markah)
- (d) Pengaruh agen perubahan dan faktor-faktor persekitaran memainkan peranan terhadap perancangan sumber manusia. Terangkan dua (2) perubahan yang memberi kesan dan mempengaruhi objektif, strategi, serta corak pengurusan organisasi dan berikan contoh yang sesuai. (10 markah)

- S4** (a) Nyatakan maksud etika dalam pengurusan sumber manusia. (4 markah)
- (b) Terangkan berserta contoh yang sesuai mengapa pekerja menyertai kesatuan sekerja. (9 markah)
- (c) Berdasarkan senario di bawah, berikan huraian kepada soalan-soalan yang berikut:

*Sebagai seorang pengurus sumber manusia di syarikat XYZ, Ahmad bertanggungjawab kepada semua polisi sumber manusia. Syarikat XYZ mempunyai polisi dekat dengan pelanggan dan akan cuba memenuhi tuntutan dan keperluan tuntutan pelanggan. Oleh itu, Ahmad berusaha memastikan tingkah laku dan disiplin pekerja menjadi keutamaan. Ahmad telah menulis kod etika peraturan dan disiplin yang komprehensif untuk pekerja-pekerjanya. Salah satu daripada kod tersebut menerangkan pekerja dilarang menyertai apa-apa bentuk kesatuan sekerja. Selepas kod etika peraturan dan disiplin dihebahkan dan diterangkan, pekerja-pekerja telah membuat bantahan secara aman dan berpiket kerana mendakwa syarikat memaksa dan mengongkong mereka dengan tidak membentarkan menyertai kesatuan sekerja. Pekerja mendakwa kod etika tersebut bercanggah dengan undang-undang buruh dan terdapat amalan ketidakadilan dan diskriminasi dalam melaksanakan kod etika peraturan dan disiplin tersebut.*

(i) Sekiranya syarikat mempunyai kod etika peraturan dan disiplin yang bercanggah dengan undang-undang buruh, wajarkah pekerja mengikuti peraturan tersebut?

(6 markah)

(ii) Adakah suatu tindakan yang beretika bagi sebuah syarikat memberhentikan pekerja yang menyertai piket bagi membantah peraturan tersebut?

(6 markah)

**-SOALAN TAMAT-**

**TERBUKA**